

LANGUAGE POLITENESS AND ETIQUETTE ON SOCIAL MEDIA FROM THE ISLAMIC PERSPECTIVE: AN OBSERVATION

KESANTUNAN BAHASA DAN ADAB DI MEDIA SOSIAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: SATU TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Nurul Ashiqin Jaafarⁱ & Fariza Md Shamⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar PhD, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
ashiqin@kuptm.edu.my

ⁱⁱ Profesor, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). farisham@ukm.edu.my

Abstract	<i>Language politeness refers to the rules and customs which exist in a respective society. Language signifies man's etiquette and character. The use of improper language especially on social media could cause conflict and miscommunication. Initial observations shows that social etiquette and language politeness among social media users is slowly deteriorating. This may be due to critical exposure among global society members in a social setting which indirectly has affected the Muslim community in Malaysia. Due to this scenario, the teachings of Islam have suggested some terms and guidelines that should be practiced by Muslims to maintain harmony in communication. These guidelines are based on two prime resources which are Al-Quran and Hadith. The aim of this article is to study the Islamic perspective regarding language politeness and the etiquette on social media. The research is conducted using the qualitative approach using secondary document analysis method. Data are also taken from the Al-Quran and several other articles regarding language politeness to support the primary data. Previous findings discover that even without specific directive from the Al-Quran on language politeness and etiquette on social media, results conclude that Muslims are encouraged to have good etiquettes as stated in Surah Taha (20:44) and Surah Al-Imran (3:159) which encourages Muslims to be polite in communication as it will be beneficial to fellow individuals and at the same time producing a Muslim society with good politeness and etiquettes. Politeness and good etiquettes lead to effective and harmonize communication in line with the teaching of Islam.</i> Keywords: <i>Language, Politeness, Etiquettes, Social, Media.</i>
Abstrak	<i>Kesantunan bahasa merujuk kepada pematuhan terhadap peraturan yang wujud dalam bahasa sesebuah masyarakat. Bahasa juga melambangkan adab dan budi pekerti manusia. Penggunaan bahasa yang kurang santun terutama bahasa di media sosial boleh menimbulkan konflik dan salah faham dalam komunikasi. Pemerhatian awal mendapati adab bersosial dan kesantunan berbahasa oleh pengguna media sosial semakin terhakis. Ini kemungkinan disebabkan persekitaran sosial yang terlalu terbuka dengan masyarakat global dan situasi ini diluar kawalan masyarakat Muslim di Malaysia. Bagi mengurangkan konflik dalam komunikasi, Islam telah menggariskan beberapa panduan dan syarat yang harus dipatuhi oleh seorang Muslim demi mengekalkan keharmonian dalam perhubungan iaitu berlandaskan kepada</i>

	dua sumber utama (al-Quran dan hadis). Tujuan penulisan artikel ini adalah untuk mengkaji pandangan Islam berkaitan kesantunan bahasa terutama dari segi adab di media sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen yang merujuk kepada sumber sekunder. Sumber ini diambil dari al-Quran serta beberapa artikel ilmiah yang mengupas tentang perbahasan para sarjana berkaitan aspek kesantunan bahasa turut dikenal pasti bagi mendapatkan data sokongan. Berdasarkan kajian-kajian lepas mendapati bahawa walaupun tiada ayat al-Quran yang menyebut secara langsung mengenai kesantunan bahasa atau adab di media sosial namun, hasil menunjukkan agama Islam amat menggalakkan umatnya berbudi bahasa seperti yang disebut dalam surah Taha, 20: 44 dan surah al-Imran, 3: 159 yang menggalakkan manusia bercakap dengan lemah lembut atau menggunakan bahasa santun ketika berkomunikasi agar mampu memberi manfaat kepada individu serta melahirkan masyarakat Muslim yang beradab dan berbudi pekerti yang tinggi, juga menggalakkan komunikasi yang lebih berkesan dan harmoni selari dengan tuntutan agama. Kata kunci: <i>Kesantunan, Bahasa, Adab, Media, Sosial.</i>
--	--

PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2015), perkataan 'santun' bermaksud halus (budi pekerti atau budi bahasa), beradab dan sopan. Manakala Awang Sariyan (2007) menyatakan kesantunan sesuatu bahasa diukur berdasarkan kepatuhan pengguna bahasa terhadap peraturan yang terdapat dalam bahasa masyarakat kerana setiap masyarakat atau bangsa mempunyai peraturan bahasa tersendiri. Salinah Jaafar (2012) pula berpendapat konsep kesantunan merujuk kepada adab atau tertib mahupun kebiasaan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat dalam memelihara hubungan sesama manusia dan menjaga tatasusila dalam berkomunikasi dan berinteraksi. Selain pendapat pakar bahasa berkaitan konsep kesantunan bahasa secara umum, terdapat juga pendapat yang menyamai konsep adab dan kesantunan seperti yang dituntut oleh Islam menurut Sanat (2000) menyatakan bahawa konsep yang paling luas ialah menggunakan bahasa santun berpandukan kepada amar ma'ruf da nahi mungkar. Konsep ini bukan hanya semata-mata menjaga air muka sahaja tetapi tujuan utamanya adalah menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran (Muhammad Luqman, 2015).

Islam adalah agama yang memberi petunjuk sepanjang zaman. Islam juga mendidik umatnya berperilaku dengan akhlak yang baik, di samping menekankan adab dalam bertutur terutama ketika berkomunikasi dengan manusia sama ada secara langsung atau di media sosial. Bahasa tutur yang beradab, sopan serta halus serta dengan budi pekerti yang mulia melambangkan peribadi Muslim sejati. Terdapat prinsip-prinsip dalam al-Quran berkaitan kesantunan bahasa iaitu dasar serta hukum al-Quran dalam memberi panduan terutama melibatkan aspek penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab serta menghormati pihak yang menjadi teman bicara sama ada secara bersemuka atau melibatkan komunikasi di media sosial. Justeru, kesantunan bahasa ini menjurus kepada kesantunan bahasa mengikut prinsip Islam yang dikemukakan oleh Allah SWT dalam al-Quran. Antara panduan asas yang digariskan dalam al-Quran ialah dalam surah Taha ayat 44 mengenai penggunaan kata-kata yang lemah lembut Ketika berbicara. Begitu juga firman Allah dalam beberapa surah yang menyatakan bahawa Allah tidak menyukai perkataan atau ucapan yang buruk dan hodoh.

Terdapat penjelasan oleh Rusydi Room (2013) berkaitan al-Quran yang telah mengemukakan enam (6) garis panduan asas kesopanan dan kesantunan berbahasa, iaitu *Qaulan Sadīdā*, *Qaulan Ma'rūfā*, *Qaulan Balīghā*, *Qaulan Maysūrā*, *Qaulan Layyina* dan *Qaulan Karīmā*. Islam juga telah memberi penegasan bahawa setiap individu wajib menjaga lidah Ketika berbicara dan bertanggungjawab terhadap apa yang dituturkan sebagaimana dijelaskan dalam Surah Qaf ayat 18 iaitu setiap perkataan yang diucapkan oleh anak Adam

akan dicatat oleh malaikat yang sentiasa menjaga dan mengawasi mereka setiap masa. Terdapat juga teori atau pandangan dari pakar linguistik barat seperti Geoffrey Neil Leech yang mana beliau terkenal dengan beberapa prinsip kesantunan berbahasa. Leech (1993) mengklasifikasikan kesantunan sebagai sebuah prinsip yang dinamakan prinsip sopan santun, dan perbincangan mengenai prinsip ini digabungkan dengan prinsip kerjasama. Menurut Leech, prinsip sopan santun dapat menjadi penyelamat kepada prinsip kerjasama dan apa-apa kesulitan atau permasalahan yang serius. Leech juga mengutarakan konsep kesantunan bahasa yang berteraskan kepada enam maksim utama. Setiap maksim menggalakkan ungkapan sopan serta beradab dan bukannya yang biadap. Kajian Leech (1983) ini hasil daripada Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang turut memperkenalkan empat maksim yang perlu dipatuhi oleh pengguna bahasa dalam sesebuah perbualan (Siti Hajar, 2010).

Teknologi yang canggih menyebabkan berlakunya perubahan dalam rutin harian manusia yang berkembang pesat hari demi hari. Ia juga membawa perubahan kepada gaya hidup mereka dan perkara ini memberikan kesan terhadap nilai, budaya, pemikiran dan corak kehidupan dari aspek adat, tatasusila, dan agama (Buang, 2005; Jasmi & Mohd Rashid, 2008; Mohd Rashid & Jasmi, 2006; Nurrizka, 2016; Sidek, 2003; Suhid, 2005; Yaacob & Othman, 2007). Perkembangan teknologi di seluruh dunia memberi banyak manfaat kepada manusia terutamanya dari segi medium berkomunikasi sama ada secara atas talian atau melibatkan komunikasi di media sosial, kerana ia mampu menghantar isyarat atau maklumat dengan pantas serta menghubungkan manusia dari segenap pelusuk dunia tanpa batasan.

Media sosial seolah-olah memberikan ketagihan kepada masyarakat Malaysia khususnya dalam kalangan remaja Melayu Muslim. Remaja kini meluangkan masa hampir 24 jam bersama telefon pintar demi melakukan pelbagai aktiviti di aplikasi media sosial, seperti melayari facebook, twitter, youtube, instagram, whatsapp, tiktok dan sebagainya. Fenomena yang penuh inovasi dalam teknologi maya ini memainkan peranan yang penting dalam aktiviti sosial masyarakat (Cartono, 2018). Namun dalam kita semua berkomunikasi, terdapat beberapa etika peraturan dan adab yang perlu dipatuhi agar komunikasi ini boleh berlansung tanpa sebarang konflik atau menimbulkan masalah yang serius terutama melibatkan komunikasi di media sosial.

Objektif penulisan ini adalah untuk mengkaji pandangan Islam berkaitan kesantunan bahasa terutama dari segi adab di media sosial. Hasil dari kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada masyarakat, terutamanya golongan remaja Melayu Muslim agar mampu menggunakan media sosial dengan lebih baik, iaitu berlandaskan etika dan moral seperti mana yang telah dituntut dalam Islam agar menjadi insan yang bermaruah dan beradab.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis dokumen yang terdapat dari beberapa bahan sumber rujukan. Rujukan ini diambil dari al-Quran serta beberapa artikel ilmiah yang mengupas berkaitan perbincangan para sarjana terhadap aspek kesantunan bahasa turut dikenal pasti bagi mendapatkan data sokongan. Pada peringkat pertama, tema amalan kesantunan bahasa dan adab di media sosial untuk dijadikan asas analisis akan dikenalpasti serta mengeluarkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan. Penyelidik terlebih dahulu merujuk bahan bacaan artikel di samping menggunakan perisian komputer untuk mencari ayat-ayat yang berkaitan dan bersesuaian. Gabungan teknik ini dikukuhkan lagi melalui penelitian ayat demi ayat di dalam al-Quran. Seterusnya, penyelidik mengumpulkan ayat-ayat yang bersesuaian dan menyenaraikannya untuk dianalisis pada peringkat berikutnya. Pada peringkat kedua, ayat-ayat al-Quran yang telah dikeluarkan ini akan dianalisis kemudian dikelompokkan mengikut subtema. Penyelidik juga merujuk beberapa buku-buku tafsir al-Quran untuk mendapatkan interpretasi terhadap ayat-ayat yang dianalisis.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Pandangan Islam berkaitan Kesantunan Bahasa

Dalam surah ar-Rahman ayat 4 ada menyatakan bahawa bahasa diciptakan sebagai alat untuk berkomunikasi sesama makhluk sejak awal kejadian mereka lagi. Dalam erti kata lain menurut pandangan Islam bahasa yang santun tidak dapat dipisahkan dengan nilai dan moral sosial budaya dan agama sebagaimana ia telah diungkapkan sejak zaman dahulu lagi. Penggunaan bahasa yang santun dalam al-Quran mempunyai hubung kait dengan cara pengucapan, perilaku dan kosa kata serta disesuaikan dengan situasi dan keadaan penutur, seperti firman Allah yang dalam surah Luqman ayat ke 19 yang menyeru manusia untuk melunakkan suara ketika berbicara.

Melunakkan suara ini bermaksud cara menyampaikan sesuatu yang tidak keras atau kasar, sehingga maksud yang disampaikan tidak hanya dapat difahami malah dapat diserap dan dihayati maknanya oleh penerima atau pendengar. Ayat ini juga menyatakan seburuk-buruk suara adalah suara keldai kerana haiwan ini terkenal dalam kalangan orang Arab sebagai haiwan yang bersuara buruk dan tidak enak didengar. Jelas, ayat ini menerangkan bahawa al-Quran menggalakkan manusia untuk menggunakan bahasa santun dalam berkomunikasi sama ada melibatkan komunikasi secara bersemuka atau ketika di media sosial. Kesantunan ini merupakan gambaran sifat manusia yang memiliki peribadi yang mulia serta beradab, manakala orang yang tidak santun dianggap seperti haiwan.

Di dalam al-Quran terdapat enam (6) prinsip yang harus dijadikan panduan ketika berbicara, iaitu *Qaulan sadīda*, *Qaulan Ma'rūfā*, *Qaulan Balīghā*, *qaulan Maysūrā*, *Qaulan Layyina* dan *Qaulan Karīmā*.

1. *Qaulan Sadīda*

Allah SWT telah menjelaskan satu prinsip yang perlu menjadi pegangan orang beriman dengan memerintahkan mereka agar sentiasa menegakkan kebenaran terutama dalam percakapan seharian. Seperti firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat-benar (dalam segala perkara).* (al-Qur'an. al Ahzab: 70)

Qaulan Sadīda di sini merujuk kepada sebarang perkataan yang mengandungi kebenaran dalam setiap perkara serta yang memberi manfaat kepada orang lain kerana kata-kata yang baik terhasil dari hati yang suci dan ia memberi gambaran berkaitan sesuatu yang terkandung di dalam hati seseorang.

2. *Qaulan Ma'rūfā*

Qaulan Ma'rūfā ialah berbicara dengan bahasa yang baik, tidak menyakiti atau menyinggung perasaan orang lain, berbicara dengan jujur, tiada unsur penipuan serta tidak berpura-pura supaya memberi kebaikan dan manfaat kepada orang lain, seperti firman Allah:

﴿وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا﴾

Maksudnya: *Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik.* (al-Qur'an. an-Nisa': 5)

Ucapan atau kata-kata yang santun adalah ujaran yang baik menurut pandangan masyarakat, oleh itu *Qaulan Ma'rūfā* membawa maksud ujaran yang baik dan halus merupakan ucapan yang disukai oleh golongan perempuan dan kanak-kanak kerana penggunaan kata-kata yang baik ketika berkomunikasi amat digemari dan selesa untuk didengar atau dibaca.

3. *Qaulan Balighā*

Dalam al-Quran terdapat ayat yang menyentuh tentang *Qaulan Balighā* iaitu penggunaan kata-kata yang tepat, fasih, dan jelas maknanya juga yang memberi kesan di dalam jiwa (Al-Zuhaily, 1991) serta tidak berbelit-belit dan kata-kata itu mengenai sasaran atau tujuan dalam komunikasi serta memberi kesan terus ke dalam hati pendengar atau pembaca, seperti dalam surah an-Nisa' yang menggalakkan manusia menggunakan bahasa yang memberi kesan kepada jiwa manusia yang lain.

﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنْفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا﴾

Maksudnya: Mereka itu adalah orang-orang yang Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka, maka berpalinglah kamu dari mereka dan berikanlah mereka pelajaran dan katakanlah kepada mereka pengucapan yang berkesan pada jiwa mereka (al-Qur'an. an-Nisa': 63).

4. *Qaulan Maysūrā*

Qaulan Maysūrā ialah kata-kata yang mudah dan menyenangkan iaitu mudah difahami dan mudah dicerna supaya komunikasi menjadi lebih berkesan dan pantas, seperti dalam surah al-Isra' iaitu menyeru semua manusia menggunakan ucapan yang mudah:

﴿وَأَمَّا تُعْرِضَنَّ عَنْهُمْ ابْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِّن رَّبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مَّيْسُورًا﴾

Maksudnya: Dan jika kamu berpaling dari mereka untuk memperoleh rahmat dari Tuhanmu yang kamu harapkan, maka katakanlah kepada mereka ucapan yang mudah (al-Qur'an. al-Isra': 28).

Sa'adiy (2001) menyatakan *Qaulan Maysūrā* adalah kata-kata yang lembut serta santun dan ia merupakan satu adab yang diajarkan oleh Allah SWT, ia juga membawa maksud ucapan yang memberi harapan dan menyebabkan orang lain tidak kecewa, kerana kata-kata yang baik dan terkandung harapan akan menyenangkan dan memudahkan manusia lain.

5. *Qaulan Layyina*

Merangkumi perkataan yang baik serta lemah lembut, iaitu menggunakan suara yang enak didengaran dan penuh keramahan supaya mampu menyentuh hati: Firman Allah SWT:

﴿فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى﴾

Maksudnya: Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut (al-Qur'an. Taha: 44).

Penggunaan bahasa yang lemah lembut dan tiada unsur kekerasan ketika berkomunikasi dapat menundukkan hati orang yang mendengarnya selaligus memberi kesan yang positif dalam jiwa mereka.

6. *Qaulan Karīmā*

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عِندَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا

أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا﴾

Maksudnya: Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya telah sampai usia tua, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya pengucapan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka pengucapan yang mulia (al-Qur'an. al-Isra': 23).

Di dalam surah al-Isra' ini, Allah memerintahkan manusia supaya menggunakan perkataan atau ucapan yang baik dan mulia terutama terhadap kedua ibu bapa, kerana menggunakan perkataan yang baik dan mulia sangat digalakkan dalam Islam. Perkataan mulia merupakan perkataan yang memberi penghormatan serta penghargaan kepada orang lain ketika berkomunikasi. Menurut al-Zuhaily (1991) *Qaulan Karīmā* ialah ucapan atau penggunaan perkataan yang positif, mulia dan optimis. Ayat ini merupakan panduan Al-Quran berkaitan urusan hidup manusia. Merangkumi unsur aqidah, iaitu supaya manusia hanya menyembah Yang Maha Berkuasa dan tidak menyembah yang lain selain Allah, kemudian tatacara ketika berkomunikasi dengan ibu bapa. Allah SWT juga memerintahkan agar manusia berlaku ihsan terhadap ibu bapa dan menyantuni mereka dari segi perbuatan dan juga perkataan yang baik serta mulia.

Media Sosial Menurut Perspektif Islam

Remaja merupakan golongan yang berpengaruh dalam penggunaan media sosial khususnya melibatkan remaja melayu Muslim menurut Abadi et al., (2016); Ayun, (2015); Muna & Astuti, (2014); Nahar, (2018); Siron, (2010) dan mereka banyak terdedah kepada kesan yang negatif kerana mereka masih mentah dan cenderung untuk terpengaruh dengan perkara yang tidak elok. Islam telah menyediakan garis panduan dan tatacara berkomunikasi serta cara penggunaan media sosial yang betul kepada umat manusia supaya mampu memberi manfaat dan kemudahan kepada mereka. Setiap apa yang dilakukan di dunia ini pasti dihisab dan dipertanggungjawabkan di dunia dan akhirat kelak.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 36 yang menyeru manusia supaya tidak mengikut apa yang mereka tidak tahu mengenai sesuatu hal atau perkara itu kerana setiap apa yang dilakukan oleh mereka akan ditanya kembali di akhirat kelak. Allah SWT juga melarang manusia berkata dusta atau menipu seperti dalam surah al-An'am ayat 112 yang melarang manusia menipu serta meninggalkan perkara yang sengaja diada-adakan tanpa bukti yang jelas. Sekiranya terdapat maklumat atau fakta yang kurang jelas kesahihannya, hendaklah meneliti dahulu sebelum menyebarkan kepada umum. Kerana perbuatan menyebarkan fitnah atau sebarang maklumat tanpa meneliti fakta dianggap sebagai orang yang munafik dan yang jelas menyatakan bahawa fitnah itu lebih berbahaya dari membunuh.

Begitu juga dengan penyebaran maklumat yang tidak sahih, Islam melarang keras kita semua menyebarkan sebarang maklumat yang tidak tepat atau diragui kesahihannya terutama di media sosial kerana perbuatan ini boleh mengundang fitnah dan menyebabkan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Namun, masyarakat cenderung melakukan aktiviti ini demi menagih perhatian dan pengaruh yang ramai di media sosial. Perkara ini bercanggah dengan panduan di dalam al-Quran yang mana Allah SWT melarang manusia mempercayai sesuatu perkara atau maklumat secara melulu tanpa menyelidik terlebih dahulu sebelum diamalkan, apatah lagi menyebarkannya kepada masyarakat umum.

KESIMPULAN

Sebagai seorang Muslim, kita seharusnya mempraktik serta mengamalkan prinsip-prinsip ini dalam kehidupan mereka terutama ketika berkomunikasi demi mengekalkan nilai santun sesuatu bahasa. Seprang individu Muslim mestilah berpegang kepada cara hidup yang diajarkan Islam supaya mampu memberi impak dan pengaruh yang besar dalam melahirkan masyarakat yang sejahtera serta bebas daripada konflik terutama konflik dalam komunikasi di media sosial. Kesantunan bahasa dan adab di media sosial juga harus dijaga kerana setiap perbuatan yang dilakukan oleh manusia akan dipertanggungjawab di akhirat kelak. Hasil penulisan ini menunjukkan bahawa Islam telah mengajarkan banyak garis panduan yang khusus amalan kesantunan bahasa umatnya sebagai panduan demi kesejahteraan hidup dalam masyarakat.

RUJUKAN

Buku

- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nazeli Ahmad. 2009. *Prinsip Al-Quran Tentang Kesantunan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pustaka Darul Iman. *Al-Quran dan Terjemahan*. 2012. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Darul Iman.

Jurnal

- Ardianto. 2016. *Kesantunan Berbahasa Dalam Perpektif Hukum Islam*. Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah, 5(2): 7-13.
- Fahmi Gunawan. 2014. *Brown and Levinson's Politeness Representation in Academic Discourse*. Kandai, 10(1).
- Hamid G. Jewad, Z. Ghapanchi & M. Ghazanfari. 2020. *Investigating Leech's Politeness Principle in Conversational Verses in Three Surahs from The Holy Quran*. Asian Social Science, 16(3).
- Juminem. 2019. *Adab Bermedia Sosial dalam Pandangan Islam*. Jurnal Pendidikan Agama Islam, 6(1): 25-27.
- Ku Zaimah Che Ali, Mardzelah Makhsin. 2019. *Analisis Tafsir Tematik Ayat-ayat Al-Quran terhadap Prinsip Kesantunan Berbahasa*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 6(1): 117-118.
- Rusydi Room. 2013. *Konsep Kesantunan Berbahasa dalam Islam*. Jurnal Adabiyah. Vol. XIII. hlm. 223-234.
- Salinah Jaafar. 2012. *Kesantunan Bahasa: Pertembungan Antara Budaya Melayu-Bukan Melayu dan Islam Bukan Islam*. Jurnal Peradaban Melayu, 3, 49-6. Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan, Suhaila Zailani @ Ahmad. 2019. *Strategi dan Panduan Kesantunan Bahasa Menurut Perspektif Islam*. Islamiyyat International Journal of Islamic Studies. UKM. 41(1): 3-4.

Prosiding

- Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi Sasikumar Kamalanathan Ajmain @ Jimaain Safar. 2019. *Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam*. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM.
- Muhammad Fairman Haronzah, Inthiran Mani, Wan Hassan Wan Embong. 2020. *Media Sosial dan Facebook Menurut Islam*. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM.
- Muhammad Syazwan Ayub Amirul Azha Rozali Nurazmallail Marni. 2019. *Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam*. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM.

Laman Web

- Muhammad Luqman Mohd Shapie. 2015. Penerapan Kesantunan dalam Komunikasi Melalui Filem. Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura. <https://pdfslide.net/documents/penerapan-kesantunan-dalam-komunikasi-melalui-filem.html?page=1> (diakses pada 12 March 2021).

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Kamus Dewan Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=santun> (diakses pada 10 April 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.